

Amaran bahaya dari 'kumpulan serpihan'

UM 29 OCT 1988

(P)

KUALA LUMPUR 28 Okt. —
Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran, jika terjejas kedudukan dan kekuasaan Melayu sebabnya ialah kerana kedegilan 'kumpulan serpihan' tidak mahu mengikut majoriti. (Ucapan penuh Datuk Sri Dr. Mahathir di muka 8).

Kumpulan serpihan ini, isytihar Perdana Menteri, begitu degil sehingga mereka sanggup kebelakangan ini, tanpa segan - segan bekerjasama dengan DAP untuk menghancurkan kedudukan dan kekuasaan Melayu melalui UMNO.

"DAP adalah musuh ketat kepimpinan Melayu serta UMNO dan perpecahan di kalangan orang Melayu akibat tindak - tanduk kumpulan serpihan ini sudah membuka peluang kepada DAP menanggung di air keruh untuk menghancurkan kedudukan dan kekuasaan Melayu," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Presiden UMNO itu beberapa kali telah diberikan sokongan dari lebih 3,000 orang perwakilan dan hadirin setiap kali beliau mengucap golongan penentang UMNO sebagai 'kumpulan serpihan UMNO.'

Datuk Sri Dr. Mahathir lalu secara terbuka mengundang semua orang Melayu yang menghayati dasar perjuangan UMNO termasuk ahli - ahli PSRM, PAS dan DAP menyertai parti itu.

Beliau berkata, "orang - orang Melayu yang belum terselamat dari bahaya, sangat memerlukan kuasa politik untuk menentukan matlamat yang dicitakan tercapai tetapi jika kuasa politik lumpuh segala - galanya akan menjadi angan - angan semata - mata."

Berucap merasmikan perhimpunan agung UMNO 1988 di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini Presiden UMNO itu juga menegaskan UMNO yang wujud hari ini tetap seperti UMNO yang asal.

"Sebenarnya UMNO yang bersidang pada hari ini, daripada segi semangatnya, daripada segi perjuangannya, daripada segi perlembagaannya, daripada segi keahliannya adalah UMNO yang ditubuhkan

LIHAT MUKA 2

Amaran bahaya dari 'kumpulan serpihan'

pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Baharu," katanya dengan disambut oleh tepukan gemuruh oleh para perwakilan dan hadirin yang memadati dewan itu.

Dalam ucapan yang disifatkan sebagai terbaik pernah disampaikan di perhimpunan UMNO dan mendapat penghormatan secara berdiri oleh para hadirin beliau berkata walaupun dari segi undang-undang UMNO tidak wujud buat beberapa hari namun dari segi perjuangan dan semangat UMNO tetap wujud dan hukuman tidak sah, pembatalan pendaftaran serta pendaftaran semula cuma perkara teknikal.

Di samping mempersoalkan tindak-tanduk golongan penentang UMNO dan UMNO sekarang ucapannya selama lebih satu jam setengah juga menyentuh tentang pengharaman UMNO, demokrasi dalam UMNO dan kerajaan kestabilan politik, perlucutan jawatan hakim, sikap media asing, Dasar Ekonomi Baru, pelajaran dan dakwah.

Beliau membidas sikap kumpulan serpihan kerana sanggup berganding bahu dengan parti pembangkang khususnya

DAP untuk tujuan mencapai matlamat politik mereka.

Katanya, "kalau dulu mereka cuma bergerak di kalangan orang-orang Melayu untuk memburuk-burukkan kepimpinan UMNO supaya mereka boleh menggantikan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang, sekarang secara terbuka mereka berpaling tadah menjadi pembangkang Kerajaan Barisan Nasional yang berteraskan UMNO.

Sebagai contohnya beliau menyebut tindakan mereka menyeberang ke sebelah pihak pembangkang dalam Dewan Rakyat dan satu dua Dewan Undangan Negeri.

"Mungkin mereka akan mengundi bersama-sama parti pembangkang setiap kali ada pengundian dalam Dewan - Dewan ini, dalam hal demikian, jika ada pilihanraya undi UMNO akan berpecah.

"Malahan di kawasan-kawasan tertentu UMNO akan kalah dan mereka pun akan kalah, hanya parti lawan akan menang. Justeru itu DAP dan PAS mempunyai harapan yang baik kerana tindakan kumpulan serpihan ini," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Parti DAP tidak pernah bersimpati dengan imbang kaum yang menjadi cita-cita orang-orang Melayu dan Dasar Ekonomi Baru dan merupakan musuh ketat kepimpinan Melayu dan UMNO.

Katanya jika parti pembangkang yang mendokong konsep 'Malaysian Malaysia' ini berjaya menjejaskan ketuanan Melayu di negara ini dan menguasai segala-galanya seperti pelajaran, perniagaan, politik dan sosial orang-orang Melayu akan diketepi dan ditekan seperti masa orang-orang Melayu dijajah dulu.

"Sekarang kerana perpecahan di kalangan orang-orang Melayu, DAP nampak peluang mereka untuk mencapai *dominance* sudah muncul.

"Dengan itu mereka begitu rajin bekerjasama dan memberi sokongan kepada kumpulan serpihan UMNO untuk melemahkan UMNO, Kerajaan Barisan Nasional dan kedudukan orang-orang Melayu," katanya.

Presiden UMNO itu berkata jika kumpulan serpihan ini percaya kepada demokrasi mereka sepatutnya patuh kepada

keputusan majoriti.

"Kumpulan majoriti tidak menolak mereka tetapi sifat semula jadi berkehendakkan yang kecil beralah kepada majoriti dan bukan majoriti mengikut yang kecil, jika penyatuan hendak dicapai," katanya.

Beliau menambah adalah tidak demokratik dan ganjil bagi kumpulan minoriti cuma memaksa kumpulan majoriti menerima kepimpinan mereka.

"Tetapi oleh kerana mereka gagal memaksa majoriti mereka sanggup mengasingkan diri daripada majoriti dan memecah-belahkan perpaduan Melayu.

"Demikian degilnya mereka sehingga mereka sanggup bekerjasama dengan DAP untuk menghancurkan kedudukan dan kekuasaan Melayu melalui UMNO."

Presiden UMNO itu mempertikaikan alasan kumpulan serpihan ini tidak menyokong kepimpinan UMNO sekarang kerana setelah kalah dalam pemilihan digugurkan dari kabinet.

Beliau menegaskan tindakan seumpama ini bukanlah ganjil melihatkan sejarah UMNO dan kerajaan sewaktu pimpinan Tunku Abdul Rahman,

Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi contoh tentang nasib Dato' Onn, Datuk Panglima Bukit Gantang, Dato' Zainal Abidin, Dato' Nik Kamil dan lain-lain pengasas UMNO ditolak oleh majoriti UMNO. Mereka tidak diterima sebagai anggota kabinet bila Malaysia merdeka.

Katanya sungguhpun Dato' Nik Kamil, Dato' Panglima Bukit Gantang dan beberapa pemimpin asal UMNO tidak lagi berada di pucuk kepimpinan UMNO mereka terus bekerja keras untuk mencapai kemerdekaan.

Menurutnya, Encik Aziz Ishak dan beberapa tokoh lain juga telah disingkirkan di zaman Tunku.

"Tun Hussein Onn menjadi anggota kabinet hanya apabila Tun Razak menjadi Perdana Menteri. Di masa Tun Razak pun beberapa orang yang tidak cocok dengannya dikeluarkan dari kabinet dan di masa Tun Hussein Onn, Dato' Harun Idris hilang jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor.

"Janganlah sesiapa berpura-pura kononnya tidak pernah ada pe-

nyingkiran dalam UMNO bagi sesiapa yang menghalang kepimpinan majoriti," katanya.

Sebaliknya beliau mengingatkan penyingkiran yang dibuat oleh kerajaan pimpinannya tahun lalu ialah kerana mereka yang berkenaan tidak memegang kepada ikrar sumpah mereka dan kerana membocorkan rahsia kerajaan.

Katanya dalam usaha untuk merebut kepimpinan UMNO, kecaman dibuat hanya kepada seorang pemimpin sahaja.

Menurutnya oleh kerana orang berkenaan memegang jawatan tertinggi sekali kumpulan serpihan ini percaya jika ia digulingkan dan tempatnya diisi oleh peminat utama jawatan itu, maka tokoh yang mengambil alih jawatan itu boleh menggantikan semua pemimpin lain dengan orang-orangnya.

"Orang-orang Melayu dan rakyat Malaysia bukan begitu jahil sehingga tidak faham muslihat ini. Mereka juga tidak percaya jika kumpulan serpihan ini berjaya, tidak ada menteri atau timbalan menteri yang akan disingkirkan," ujarnya.